

“PERADUAN DRYPERS FIT-A-THON BERSAMA COCOMELON”

TERMA & SYARAT

Penganjur:

Vinda Marketing (M) Sdn Bhd [313228-T] [“Penganjur”].

Peraduan:

PERADUAN DRYPERS FIT-A-THON BERSAMA COCOMELON [“Peraduan”]

Tempoh Peraduan:

Peraduan ini sah dari **5hb Ogos 2022 08:00am sehingga 28hb Ogos 2022 11:59pm** [“Tempoh Peraduan”]. Penganjur berhak secara mutlak untuk mengubah, menangguh, menjadualkan semula Tempoh Peraduan atau membatalkan/menamatkan Peraduan pada bila-bila masa tanpa memberi notis terlebih dahulu.

Kelayakan:

1. Peraduan ini terbuka kepada semua warganegara Malaysia dan penduduk tetap yang berumur 18 tahun dan ke atas kecuali kakitangan dan ahli keluarga terdekat Pihak Penganjur, sekutunya, anak syarikat, agensi pengiklanan/PR dan pembekal. Peserta perlu berdaftar sebagai ahli Drypers Baby Club.
2. Pihak Penganjur berhak, mengikut budi bicara mutlaknya, untuk membatalkan kelayakan mana-mana Peserta dan/atau penyertaan yang didapati atau disyaki menipu / menggodam / menyalahgunakan / memanipulasikan proses penghantaran Peraduan, operasi Peraduan atau melanggar mana-mana Terma dan Syarat Peraduan ini.

Kriteria Penyertaan:

1. Pendaftaran

Peserta perlu mengikut langkah-langkah yang berikut untuk menyertai peraduan ini:

- a. Peserta mesti berdaftar sebagai ahli Drypers Baby Club dan mengesahkan emel anda.
- (i) **Bukan Ahli Drypers Baby Club:** Daftar sebagai ahli Drypers Baby Club. Masukkan kod unik yang tertera pada pek lampin Drypers untuk mengumpul mata ganjaran dan sertai Aktiviti 1-4 mengikut minggu yang ditetapkan.
- Panduan untuk tebus mata ganjaran dari kod unik [klik SINI](#)
 - Ketahui lebih tentang mata ganjaran Drypers Baby Club di: <https://drypers.com.my/drypers-baby-club/faq/how-to-collect-points>

- (ii) **Ahli Drypers Baby Club:** Log masuk Drypers Baby Club dan sertai Aktiviti 1-4 mengikut minggu yang ditetapkan.
- b. Klik ikon Fit-A-Thon dan hantar penyertaan anda mengikut aktiviti mingguan.
- Setiap isi rumah layak untuk maksimum 5 penyertaan bagi setiap aktiviti.
 - 1 Penyertaan = 100 Mata Ganjaran.

2. Butiran-butiran Aktiviti Mingguan (4 Aktiviti)

AKTIVITI 1: FIT TO PLAY

Tempoh penyertaan: 5 - 14 Ogos 2022

- a. Cari lagu CoComelon* di Facebook Reels, Instagram Reels atau TikTok dan rakam bayi anda menari. *Anda boleh menggunakan mana-mana lagu CoComelon.
- b. Kongsi video di media sosial anda dengan hashtag #DrypersFitAThon2 #DrypersMalaysia dan tag @DrypersMY. Post mesti di set ke 'Publik' dan mesti dikongsi daripada akaun peserta untuk layak sebagai penyertaan yang sah.
- c. Screenshot post anda, log masuk Drypers Baby Club dan hantar sebagai bukti penyertaan di FIT-A-THON Aktiviti 1.

*Setiap isi rumah layak untuk maksimum 5 penyertaan bagi setiap aktiviti.

1 Penyertaan = 100 Mata Ganjaran

AKTIVITI 2: FIT FOR LEARNING

Tempoh penyertaan: 15 - 21 Ogos 2022

- a. Main filter kamera *Augmented Reality* "AR" Drypers FIT di Instagram / Facebook untuk menangkap ciri-ciri lampin menggunakan pergerakan kepala.
- b. Cecah min 1,000 point dan kongsi video / screenshot skor tertinggi anda di media social anda. Post mesti mengandungi hashtag #DrypersFitAThon2 #DrypersMalaysia & tag @DrypersMY. Post mesti di set ke 'Publik' dan mesti dikongsi daripada akaun peserta untuk layak sebagai penyertaan yang sah.
- c. Screenshot post anda dengan skor tertinggi, log masuk Drypers Baby Club dan hantar sebagai bukti penyertaan di FIT-A-THON Aktiviti 2.

*Setiap isi rumah layak untuk maksimum 5 penyertaan bagi setiap aktiviti.

1 Penyertaan = 100 Mata Ganjaran

AKTIVITI 3: FIT TO DISCOVER

Tempoh penyertaan: 22 - 27 Ogos 2022

- a. Beli produk Drypers min RM30 dari 1hb Ogos hingga 27hb Ogos 2022 di Vindamall/Lazada/Shopee atau di mana-mana pasaraya berdekatan. Simpan resit sebagai bukti pembelian anda.

- b. Cari angka 1 (SATU) dan 0 (KOSONG) di nombor resit atau no. pesanan anda.
- c. Jika resit atau no. pesanan anda mengandungi kedua-dua angka ini, screenshot/gambar resit anda. Log masuk Drypers Baby Club dan hantar sebagai bukti penyertaan di FIT-A-THON Aktiviti 3.

*Setiap isi rumah layak untuk maksimum 5 penyertaan bagi setiap aktiviti.

1 Penyertaan = 100 Mata Ganjaran

AKTIVITI 4: FINALE: SIARAN LANGSUNG

Tarikh siaran langsung: 28hb Ogos 2022

- a. Log masuk Drypers Baby Club dan klik Aktiviti 4 di FIT-A-THON.
- b. Tempah slot anda untuk menyaksikan Finale: Siaran Langsung Peraduan Fit-A-Thon bersama CoComelon.
- c. Anda akan menerima link penyertaan untuk sesi Zoom menerusi emel dari Drypers Baby Club.
- d. Para peserta dikehendaki untuk menonton sesi Zoom Live Finale pada 28hb Ogos 2022 (Ahad) untuk ketahui keputusan cabutan bertuah Pemenang Utama* – Bekalan Drypers sepanjang hayat*, SATU(1) beg cabin CoComelon dan premium Edisi Terhad.
- e. Para peserta yang menonton sesi Zoom Live Finale juga layak untuk menyertai aktiviti sepanjang sesi Live untuk memenangi hadiah.

Pengesahan Penyertaan:

Semua penyertaan yang diterima di luar Tempoh Peraduan akan dibatalkan secara automatik.

Semua penyertaan mesti dibuat antara **5hb Ogos 2022 12:00am sehingga 28hb Ogos 2022 11:59pm**. Sebarang penyertaan yang diterima selepas Tempoh Peraduan akan ditolak dan tidak sah.

1. Aktiviti 1: Fit To Play (Tempoh penyertaan: 5 - 14 Ogos 2022)

Peserta boleh menghantar lebih dari SATU (1) penyertaan maksimum LIMA (5) penyertaan bagi setiap aktiviti tetapi setiap penyertaan hendaklah disertakan video atau screenshot yang baharu. Setiap SATU (1) video hanya boleh digunakan SATU (1) kali sahaja. Durasi video hendaklah dari minima 1 minit dan maksimum 3 minit. Penyertaan yang dikongsi di media social anda perlulah sah dan setting post anda ditetapkan sebagai "Publik".

2. Aktiviti 2: Fit For Learning (Tempoh penyertaan: 15 - 21 Ogos 2022)

Peserta boleh menghantar lebih dari SATU (1) penyertaan maksimum LIMA (5) penyertaan bagi setiap aktiviti tetapi setiap penyertaan hendaklah disertakan video atau screenshot yang baharu. Setiap SATU (1) video hanya boleh digunakan Satu (1) kali sahaja. Penyertaan yang dikongsi di media social anda perlulah sah dan setting post anda ditetapkan sebagai "Publik".

3. Aktiviti 3: Fit To Discover (Tempoh penyertaan: 22 - 27 Ogos 2022)

Peserta boleh menghantar lebih dari SATU (1) penyertaan maksimum LIMA (5) penyertaan bagi setiap aktiviti tetapi setiap penyertaan hendaklah disertakan Bukti Pembelian yang baharu. Setiap SATU (1) Bukti Pembelian hanya boleh digunakan SATU (1) kali sahaja. Penyertaan Peraduan akan dibatalkan jika slip transaksi yang sama digunakan lebih dari SATU (1) kali.

- i. Peserta mesti menyimpan SEMUA invoice / resit / no. pesanan asal sebagai Bukti Pembelian. Hanya invoice / resit / no. Pesanan yang sah dan bertarikh dalam Tempoh Peraduan (1hb Ogos – 27hb Ogos 2022) akan diterima sebagai penyertaan yang layak.
- ii. Penyertaan yang tidak lengkap, lewat, tanpa Bukti Pembelian yang tidak boleh dibaca/telah pudar/rosak adalah tidak sah, tidak layak dan akan dibatalkan untuk Peraduan ini.

4. AKTIVITI 4: FINALE: SIARAN LANGSUNG (Tarikh siaran langsung: 28hb Ogos 2022)

Para peserta perlu menghadiri dan menonton sesi Zoom Live Finale pada 28hb Ogos 2022 (Ahad) untuk ketahui keputusan cabutan bertuah Pemenang Utama* – Bekalan Drypers sepanjang hayat*, SATU(1) beg cabin CoComelon dan premium Edisi Terhad.

Hadiah dan Pemilihan Pemenang

- a. Hadiah Utama: Bekalan Drypers sepanjang hayat*, SATU(1) beg cabin CoComelon dan premium Edisi Terhad.
 - Hanya peserta yang telah menyertai kesemua Aktiviti 1-4 layak untuk berpeluang memenangi Hadiah Utama.
 - Pemilihan pemenang Hadiah Utama adalah
 - secara cabutan bertuah di sesi Finale: Siaran Langsung menerusi Zoom pada 28hb Ogos 2022 dan
 - berdasarkan penyertaan peserta sewaktu sesi Zoom Live Finale (contoh: menjawab soalan-soalan quiz yang dikemukakan sepanjang sesi Zoom Live Finale dengan tepat).
 - *Bekalan lampin Drypers sepanjang hayat hanya untuk SATU (1) pemenang (sehingga bayi mencecah umur 3 tahun). DUA (2) pek sahaja akan diberi setiap bulan.
 - Senario: Jika tarikh lahir bayi adalah 1/1/2021 bermakna bayi berumur 6 bulan 30 hari pada 7/31/2021. Bekalan lampin akan diberi sehingga bayi berumur 3 tahun pada 1/1/2024. Saiz yang berlainan akan diberi mengikut peringkat tumbesaran bayi.
 - Pemenang tidak boleh memilih jenama lampin selain yang diberi.
- b. Hadiah-hadiah berdasarkan setiap aktiviti mingguan:
 - a. Aktiviti 1: Fit To Play (Tempoh penyertaan: 5 - 14 Ogos 2022)
 - i. Hadiah Pertama: SATU (1) peserta akan menerima SATU(1) Smart Watch bernilai RM1,500. Pemilihan untuk Hadiah Pertama adalah berdasarkan kepada kreativiti video yang di hantar.

- ii. Hadiah Saguhati: SERIBU (1000) peserta pertama akan menerima SATU(1) T-Shirt CoComelon Edisi Terhad.
 - b. Aktiviti 2: Fit For Learning (Tempoh penyertaan: 15 - 21 Ogos 2022)
 - i. Hadiah Pertama: SATU (1) peserta akan menerima SATU(1) Smart Watch bernilai RM1,500. Pemilihan pemenang Hadiah Pertama adalah berdasarkan skor yang tertinggi.
 - ii. Hadiah Saguhati: SERIBU (1000) peserta pertama akan menerima SATU(1)CoComelon Melon Friend Edisi Terhad.
 - c. Aktiviti 3: Fit To Discover (Tempoh penyertaan: 22 - 27 Ogos 2022)
 - i. Hadiah Pertama: SATU (1) peserta akan menerima SATU(1) Smart Watch bernilai RM1,500. Pemilihan pemenang Hadiah Pertama adalah berdasarkan cabutan bertuah.
 - ii. Hadiah saguhati: SERIBU (1000) peserta pertama akan menerima SATU(1) Beg Kanvas CoComelon Edisi Terhad.
 - d. Aktiviti 4: Finale Zoom Live
 - i. Hadiah saguhati: SERIBU (1000) peserta pertama akan menerima SATU(1) Medal CoComelon Edisi Terhad.
1. Setiap peserta (dengan penyertaan yang sah) berpeluang memenangi maksimum LIMA (5) hadiah sahaja bagi setiap aktiviti mingguan di sepanjang Tempoh Peraduan. Semua hadiah diberikan secara "as is" dan tidak boleh ditukar dengan kredit, wang tunai, barangan lain atau baucar, sebahagian atau keseluruhannya.
 2. Semua hadiah terhad untuk 1000 penyertaan pertama sahaja.
 3. Sekiranya Pihak Penganjur tidak dapat menghubungi pemenang setelah 3 percubaan dalam 3 hari dari tarikh notis, Pihak Penganjur berhak memilih peserta layak yang berikutnya sebagai pemenang peraduan.
 4. Sebarang perbelanjaan untuk penyertaan Peraduan ini dan penebusan hadiah (jika diperlukan); ia adalah tanggungjawab pemenang.
 5. Semua pemenang mesti menuntut hadiah mereka mengikut tempoh yang ditetapkan oleh Pihak Penganjur selepas dihubungi oleh Pihak Penganjur (melalui SMS atau lain-lain bentuk komunikasi). Sekiranya pemenang gagal untuk menuntut hadiah mereka atau menamakan seorang wakil dalam masa yang diperuntukkan, Pihak Penganjur berhak untuk membatalkan hadiah atau memberikan hadiah tersebut kepada pemenang lain. Pemenang perlulah mengemukakan bukti identiti untuk menebus/menerima hadiah mereka. Semua hadiah untuk Peraduan ini akan diberikan selepas tamat Tempoh Peraduan.
 6. Sekiranya pemenang memerlukan seorang wakil untuk menuntut hadiah bagi pihak mereka, wakil pemenang hendaklah membawa surat wakil kebenaran yang ditandatangani oleh pemenang bersertakan salinan dokumen pengenalan diri pemenang dan wakilnya.
 7. Hadiah tidak boleh ditukar dengan wang tunai. Pihak Penganjur mempunyai hak untuk menukar hadiah dengan hadiah yang sama nilai atas budi bicara tunggal dan mutlakny.

Pihak Penganjur, agensi, sekutunya, penaja dan wakilnya tidak bertanggungjawab terhadap hadiah yang rosak atau penyalahgunaan mana-mana hadiah, atau tuntutan, liabiliti, kerugian atau kerosakan yang timbul daripada atau berkaitan dengan Peraduan ini.

8. Jika berlaku sebarang kesilapan, gangguan dan/atau kegagalan, penganjur tidak akan bertanggungjawab untuk apa-apa kesulitan yang dihadapi pemenang untuk menyertai peraduan ini.
9. Dengan menyertai Peraduan ini, peserta yang layak akan memberi hak penuh kepada Penganjur untuk penggunaan maklumat pemenang semasa promosi ke hadapan.

Notifikasi Pemenang

1. Pihak Penganjur akan mengumumkan pemenang-pemenang Peraduan Drypers Fit-A-Thon dalam masa DUA (2) minggu selepas tarikh tamat tempoh setiap akitiviti mingguan.
2. Pihak Penganjur akan menghubungi para peserta yang terpilih berdasarkan butiran yang diberikan di dalam Penyertaan melalui SMS atau emel. Sekiranya pemenang tidak dapat dihubungi sehingga tempoh tertentu, Pihak Penganjur berhak membatalkan kemenangan.
3. Semua hadiah akan diproses untuk penghantaran atau penyerahan kepada pemenang dalam tempoh LAPAN (8) hingga DUA BELAS (12) minggu dari tarikh akhir Tempoh Peraduan. Pihak Penganjur berhak untuk melanjutkan tempoh masa yang dinyatakan di bawah Fasal ini kerana alasan di luar kawalan Penganjur.
4. Penganjur berhak untuk meminta Nombor-MyKad dan Maklumat Peribadi Pemenang sebelum hadiah dituntut dan Penganjur berhak untuk membatalkan penyertaan sekiranya pemenang tidak memberi maklumat kepada Penganjur dalam tempoh 14 hari selepas panggilan dibuat kepada Pemenang.
5. Pihak Penganjur berhak menentukan cara penghantaran atau penebusan hadiah dan Pihak Penganjur tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang kesulitan, kerosakan, dan/atau kehilangan hadiah yang berlaku semasa proses penghantaran.

Hak Pihak Penganjur

1. Dengan menyertai Peraduan ini, Peserta bersetuju untuk terikat dengan Terma dan Syarat Peraduan. Keputusan Pihak Penganjur adalah muktamad. Sebarang surat menyurat, pertanyaan, rayuan atau bantahan tidak akan dilayani. Peserta dengan ini bersetuju bahawa tidak ada tindakan yang akan diambil terhadap Pihak Penganjur.

2. Dengan mengikuti Peraduan ini, Peserta memberi kebenaran kepada Penganjur dan / atau mana-mana ejen pihak ketiga ["Agensi"] yang dipilih oleh Penganjur untuk memproses data peribadi Peserta untuk tujuan Peraduan ini.
3. Setiap peserta bersetuju untuk pengumpulan, penggunaan, pemprosesan dan pendedahan maklumat peribadinya, dan menyatakan dan menjamin bahawa semua maklumat yang diberikan adalah benar dan tepat dalam semua aspek. Setiap peserta bersetuju bahawa Penganjur boleh, untuk jangka waktu yang munasabah, kecuali jika disarankan sebaliknya, menggunakan maklumat tersebut untuk tujuan promosi, pemasaran, publisiti, penyelidikan dan pembuatan profil, termasuk mengirim pesanan elektronik atau membuat panggilan telefon kepada peserta.
4. Nilai hadiah tepat pada masa dicetak. Penganjur berhak untuk menggantikan mana-mana hadiah dengan nilai yang sama pada bila-bila masa mengikut budi bicara mutlak mereka tanpa pemberitahuan terlebih dahulu.
5. Hadiah yang hilang atau rosak semasa proses penghantaran, tidak akan diganti dan Pihak Penganjur berhak menolak sebarang kewajipan untuk tidak mengganti atau memenuhi hadiah ini.
6. Penganjur berhak, mengikut budi bicara mutlaknya, berhak untuk membatalkan penyertaan mana-mana Peserta yang didapati atau disyaki mengganggu proses penyerahan atau pengendalian dan Penganjur berhak untuk mengambil tindakan undang-undang terhadap mana-mana individu yang dipercayainya telah melakukan aktiviti penipuan atau aktiviti lain yang memudaratkan kempen ini.
7. Penganjur juga berhak untuk membatalkan mana-mana penyertaan tanpa menyatakan apa-apa sebab.
8. Penganjur tidak akan memikul tanggungjawab atau tanggungan terhadap Hadiah / produk / baucar / e-baucar dan dengan jelas mengecualikan dan menolak sebarang pernyataan, jaminan atau sokongan, tersirat atau tersurat, bertulis atau lisan, mengenai produk / baucar / e-baucar yang ditawarkan di bawah Program Penebusan ini, termasuk tetapi tidak terhad kepada jaminan kualiti, kebolehdagangan, kesesuaian untuk tujuan atau penggunaan tertentu, kesihatan dan keselamatan. Hadiah / produk / baucar / e-baucar yang ditawarkan oleh pemilik jenama di bawah terma dan syarat seperti yang ditentukan oleh pemilik jenama tersebut. Segala perselisihan yang timbul dari atau berkaitan dengan Hadiah / produk / baucar / e-baucar yang ditawarkan oleh pemilik jenama harus diselesaikan oleh pengguna secara langsung dengan pemilik jenama.
8. Sekiranya Peraduan ini terganggu dengan apa cara pun atau tidak dapat dijalankan sebagaimana yang dijangkakan secara munasabah atas sebab di luar kawalan munasabah Pihak Penganjur, maka Pihak Penganjur berhak, atas budi bicara mutlaknya, untuk mengubah terma dan syarat Peraduan ini, menangguhkan, menamatkan atau membatalkan

Peraduan, jika diperlukan, tanpa pemberitahuan terlebih dahulu.

9. Keputusan Penganjur adalah muktamad dan rayuan tidak akan dilayan.

Notis Privasi di bawah Akta Perlindungan Data Peribadi

1. Dengan menyerahkan/mengemukakan maklumat kepada Peraduan Drypers Fit-A-Thon Bersama Cocomelon, peserta dengan ini bersetuju dengan Penganjur untuk memproses data peribadi anda mengikut cara yang telah ditetapkan.
2. Penganjur akan memproses data peribadi yang telah berikan oleh peserta seperti;
 - i. Nama
 - ii. Nombor Kad Pengenalan
 - iii. Nombor Telefon
 - iv. Alamat serta maklumat lain yang telah diminta dari anda dalam promosi ini.
3. Penganjur akan memproses data peribadi peserta termasuk maklumat tambahan yang mungkin peserta berikan bagi tujuan untuk menjalankan peraduan ini serta menghubungi peserta (jika perlu).
4. Data peribadi yang berikan oleh peserta kepada Penganjur dibenarkan oleh peserta untuk diberikan kepada pembekal perkhidmatan Penganjur bagi tujuan yang dinyatakan di atas. Peserta bertanggungjawab bagi memastikan bahawa data peribadi yang diberikan kepada Penganjur adalah tepat, lengkap dan tidak mengelirukan serta memastikan bahawa data peribadi tersebut adalah yang terkini.